

TRADISI KEILMUAN DAN PENDIDIKAN DALAM TAMADUN MELAYU DI NUSANTARA

Mohd. Koharuddin b. Mohd. Balwi
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
kohar@utm.my

Abstrak

Kertas ini menyelongkar tradisi keilmuan dan keintelektualan dalam tamadun Melayu di Nusantara. Masyarakat Melayu yang tersebar luas di alam Melayu atau Nusantara ini telah memiliki tradisi keilmuan dan pendidikan yang menjadi teras kepada kemunculan tamadun yang tinggi dan cemerlang. Tradisi keilmuan ini kemudiannya menjadi marak melalui kedatangan Islam di Nusantara apabila ia merevolusikan tradisi ini kerana Islam memang amat menganjurkan kepada keilmuan dan keintelektualan. Gelombang ini kemudiannya melahirkan beberapa kerajaan Islam yang menjadikan pendidikan keilmuan sebagai sesuatu yang amat penting dan amat digalakkan. Kemudiannya, lahirlah Pasai, Melaka, Aceh, Demak, dan lain-lain menjadi pusat keilmuan dan pendidikan di Nusantara. Tradisi keilmuan dan pendidikan ini telah melahirkan tokoh-tokoh Melayu yang tersohor sepanjang zaman. Lantaran, ketinggian ketamadunan Melayu tidak terletak kepada kehebatan budaya materialnya, sebaliknya terletak kepada kehebatan dan ketinggian tradisi keilmuan dan keintelektualannya. Tradisi keilmuan dan pendidikan merupakan tradisi umat Melayu-Islam sepanjang zaman.

PENGENALAN

Sepanjang sejarahnya, alam Melayu telah memiliki ratusan kerajaan besar dan ribuan kerajaan kecil.¹ Sebahagian daripada kerajaan ini juga pernah menjadi pusat keilmuan yang masyhur. Sebelum Islam merevolusikan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat Melayu di alam Melayu dengan pendemokrasian ilmu yang menyeluruh dan membangkitkan kesedaran kepentingan ilmu, telah lahirnya beberapa pusat keilmuan yang penting iaitu di antaranya pusat keilmuan Buddha dan Hindu di alam Melayu ini. Sumatera (khususnya kerajaan Srivijaya) dari abad ke-6 hingga abad ke-11 Masihi merupakan pusat keilmuan dan keagamaan Buddha yang terulung di alam Melayu ketika itu. Menjelang akhir abad ke-6 Masihi, dikatakan lebih daripada 1 000 orang rahib Buddha yang mempelajari teologi dan falsafah agama tersebut. Bagaimanapun, pusat keilmuan Buddha ini lebih bersifat elit kerana ia hanya tertumpu kepada golongan pendeta dan rahib tetapi tidak kepada masyarakat Melayu secara menyeluruh. Keadaan ini berlaku kerana ajaran Buddha dan Hindu di alam Melayu ini hanya diamalkan oleh golongan raja dan bangsawan sahaja, sebaliknya di kalangan masyarakat Melayu yang lain masih kekal dengan kepercayaan ananisme mereka.

Ledakan revolusi ilmu melanda alam Melayu apabila Islam datang dan menjadi agama utama orang Melayu. Keadaan ini berlaku kerana Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan. Hasilnya, lahirlah beberapa kerajaan Melayu-Islam

¹ Wan Hashim Wan Teh, 1986, *Masyarakat Pribumi Sudah Wujud di Malaysia Sejak Ribuan Tahun yang Lalu*, IBKKM, UKM, Bangi, Selangor. Lihat juga Wan Hashim Wan Teh, 1997, *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu*, Bangi: Penerbit UKM.

yang menjadi pusat keilmuan utama di alam Melayu ini. Kerajaan Pasai telah muncul sebagai pusat pertama pengajian keilmuan dan penyebaran Islam di alam Melayu. Lantaran, Pasai menjadi pusat tamadun Melayu Islam yang pertama di kepulauan Melayu. Ibn Batutah pernah menggambarkan bagaimana pemerintah di Pasai sangat mementingkan ilmu pengetahuan sehinggakan balai penghadapan istana semasa zaman pemerintahan Sultan Malik al-Zahir senantiasa dikunjungi para ilmuan dan sasterawan.²

Peranan Pasai kemudiannya diperkukuhkan oleh Melaka apabila Melaka berkembang menjadi sebuah empayar besar dan menjadi pusat keilmuan dan penyebaran Islam dan perdagangan di alam Melayu. Melaka menjadi pusat keilmuan yang menarik ribuan pelajar atau penuntut dan ulama dari serata dunia. Ulama-ulama dari Timur Tengah, Teluk Parsi, India, dan lain-lain antaranya Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadhi Yusuf, Maulana/Makhdum Sadar Johan, dan Maulana Jalal al-Din telah mengunjungi Melaka untuk mengajar para pembesar termasuklah Sultan Melaka sendiri selain daripada rakyat jelata, tentang ilmu-ilmu Islam. Jawatan kadhi dan fakih menduduki barisan para pembesar istana Melaka³. Selain orang Melaka sendiri, ramai juga penuntut yang berasal dari tempat-tempat lain di kepulauan Melayu yang belajar di Melaka yang apabila pulang ke tanah air telah menjadi penyebar agama Islam dan sesetengahnya menubuhkan pusat-pusat pendidikan Islam mereka sendiri seperti beberapa tokoh 'Wali Songo' iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri.⁴ Tradisi keilmuan ini mencapai kemuncak pada zaman Aceh. Di Aceh, telah lahirnya tokoh-tokoh ilmuan Islam yang penting seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, dan Shamsudin al-Sumaterani (sekadar menyebut beberapa nama). Tradisi keilmuan ini disambung di seluruh alam Melayu melalui pelbagai kerajaan Melayu Islam termasuklah di Patani, Terengganu, Kelantan, Bentan, Demak, Sulu, Banjarmasin, Brunei, dan lain-lain.

KEILMUAN DAN INSTITUSI PENDIDIKAN

Tradisi keilmuan dalam tamadun Melayu banyak diasaskan oleh adanya tradisi pendidikan yang cemerlang dan tersusun yang telah wujud terutama sejak kedatangan Islam di alam Melayu. Peranan sistem pendidikan ini telah menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan hingga mencapai tahap yang tinggi dan dalam masa yang sama melahirkan golongan ulama dan cendekiawan Melayu yang ulung. Hingga hari ini, nama-nama mereka ini sangat masyhur seperti Hamzah Fansuri, Raja Ali Haji Munshi, Abdullah Munsyi, dan ramai lagi. Bidang keilmuan yang berkembang ini tidak sahaja melibatkan bidang ilmu-ilmu keagamaan tetapi juga bidang kesusasteraan, kesenian, bahasa, ilmu perubatan, ilmu bumi, matematik, astronomi, ilmu politik, dan sebagainya.

INSTITUSI PENDIDIKAN DI MELAKA: ISTANA, RUMAH GURU, DAN MASJID.

Pada peringkat awal, pusat pendidikan adalah di istana. Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, pendidikan yang mendapat keutamaan ialah pendidikan Islam. Istana

² Hashim Musa, 2001, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hlm. 51

³ Ibid.

⁴ Ibid., hlm. 53

juga dijadikan perpustakaan atau tempat penterjemahan dan penyalinan. Contohnya, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, dan *al-Durr al-Manzum* telah disimpan dan menjadi bahan bacaan di Istana. Selain istana, terdapat juga tempat-tempat lain yang menjadi pusat pengajian di Melaka seperti rumah Maulana, madrasah, surau, masjid, dan sebagainya.⁵

Mengikut catatan Ibnu Batutah seorang pengembara berbangsa Arab, istana raja Pasai merupakan pusat pengajian Islam yang terulung pada abad ke-14 Masihi. Perbincangan dan perdebatan isu-isu agama sering diadakan di istana sultan. Perbincangan turut disertai oleh para ulama dan Sultan Pasai ketika itu iaitu Sultan Malik al-Zahir. Sementara itu, istana Melaka juga menjadi tempat perbincangan ilmu agama dan pusat pengajian bagi putera-putera raja di seluruh alam Melayu. Ia juga berfungsi sebagai perpustakaan dan tempat penyalinan juga tempat penterjemahan. Raja-raja Melaka seperti Sultan Mansur Shah dan Sultan Mahmud Shah pernah mempelajari ilmu agama di istana malahan mereka telah memerintahkan pegawai-pegawai kerajaan mempelajari ilmu agama. Istana raja-raja Melayu menjadi pusat pendidikan penting bagi anak-anak raja daripada golongan bangsawan di samping menjadi pusat tumpuan ahli-ahli bijak pandai dan para ulama.

Tokoh agama sebahagian besar terdiri dari bangsa Arab. Antaranya, Makhdum Sayid 'Abd Aziz, Kadi Yusuf, Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Johan, kadi Munawar Abu Sahak, dan lain-lain. Mereka merupakan pedagang-mubaligh yang mendapat tempat istimewa di dalam kerajaan Melaka. Sultan sendiri menuntut ilmu daripada mereka ini seperti Sultan Mahmud Shah yang mengunjungi rumah Maulana Yusuf untuk mempelajari kitab *Ma'lumat*. Kitab-kitab yang dipercayai menjadi pegangan di Melaka ialah *al-Dar al-Manzum* oleh Abu Ishak al-Shirazi, *Ihya Ulumiddin* oleh al-Ghazali, dan *Minhaj al-Talibin* oleh al-Nawawi.⁶

INSTITUSI PENDIDIKAN DI ACHEH: MEUNASAH, RANGKANG, DAYAH, DAN JAMIAH

Meunasah

Dalam tradisi keintelektualan Melayu negeri-negeri seperti Melaka, Aceh, Jawa (kerajaan Demak), dan juga negeri-negeri Melayu yang lain berperanan memberikan pendidikan tinggi kepada rakyat. Di Aceh, sistem pendidikan mempunyai beberapa tingkatan. Tingkatan pertama atau pendidikan asas atau dasar bermula di '*meunasah*' atau madrasah. Ia didirikan di tiap-tiap kampung atau desa. Kedudukannya lebih kurang sama dengan sekolah kebangsaan di Malaysia hari ini. Di sini, murid-murid diajar menulis dan membaca huruf Arab, membaca al-Quran, cara beribadah, akhlak, kisah-kisah daripada sejarah Islam, Rukun Iman dan syair-syair riwayat Nabi. Buku-buku pelajaran dalam bahasa Melayu seperti kitab *Perukunan* dan risalah *Masailal Muhtadin*.

Rangkang

Selepas menamatkan pelajaran di *meunasah*, mereka akan meneruskan pelajaran menengahnya di *rangkang*. Di sini, mereka mula mempelajari bahasa Arab, Ilmu

⁵ Mahayuddin, 2000, *Tamadun Islam*, Shah Alam: Fajar Bakti, hlm. 313.

⁶ Ibid.

Tauhid, Ilmu Fiqah, Ilmu Tasawuf, Sejarah Islam, dan pelajaran umum lain seperti ilmu alam, ilmu hisab, dan sejarah umum/sejarah dunia. Di samping menggunakan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu, buku-buku bahasa Arab juga banyak digunakan sebagai rujukan di rangkang.

Dayah

Kemudiannya selepas peringkat menengah, mereka akan menyambung pelajaran di peringkat yang dikenali sebagai '*dayah*'. Dayah dapat disamakan dengan Sekolah Menengah Atas di Indonesia atau Madrasah Aliyah. Hampir setiap daerah Naggore (negeri) terdapat dayah. Ada dayah yang berpusat di masjid bersama rangkang tetapi kebanyakannya berdiri sendiri di luar lingkungan masjid dengan menyediakan sebuah balai utama sebagai aula yang digunakan sebagai tempat belajar sembahyang. Di antara ilmu yang diajar ialah fiqh muamalat, tauhid, tasawwuf/akhlak, ilmu bumi (geografi), sejarah/ilmu tatanegara dan bahasa Arab. Di samping dayah-dayah yang bersifat umum ada juga dayah yang bersifat khusus seperti untuk wanita sahaja, dayah yang khusus mengajar dalam bidang pertanian, ilmu pertukangan, ilmu perniagaan, dan sebagainya menurut syariat Islam.⁷ Di antara dayah-dayah yang terkenal di Aceh adalah:

- a. Dayah Cot Kala.
- b. Dayah Seuruleu.
- c. Dayah Blang Peria.
- d. Dayah Batu Karang.
- e. Dayah Tanoh Abay.
- f. Dayah Tiro.
- g. Dayah Rumpet.
- h. Dayah Teungku Chik.

Dayah yang paling terkenal sekali ialah *Dayah Teungku Chik* yang dikenali juga sebagai *Dayah Manyang* yang bertaraf akademi. Teungku Chik bererti guru besar, jadi Dayah Teungku Chik bererti Dayah Guru Besar. Antara mata pelajaran yang diajar disini ialah bahasa Arab, Fekah, Jinayat (hukum pidana), Fekah Munakahat (hukum perkahwinan), Fekah Duali (hukum tatanegara), Sejarah Islam, Sejarah Negara-negara, Ilmu Mantik, Tauhid/filsafat, Tasawwuf/Akhlak, Ilmu Falak, Tafsir, Hadis, dan sebagainya. Terdapat juga dayah Teungku Chik yang hanya mengajar ilmu-ilmu tertentu sahaja seperti Ilmu Hukum (fekah), Ilmu Tafsir, ilmu Hadis, dan sebagainya.⁸

Universiti Baiturrahman (Jamiah Bayt al-Rahman)

Peringkat tertinggi sistem pendidikan ialah peringkat di *Jamiah Bayt al-Rahman* yang bertaraf Universiti. Jamiah Bayt al-Rahman ini juga merupakan sebuah masjid. Bagaimanapun, peranan masjid pada masa itu sangat luas di samping sebagai tempat beribadat ia digunakan untuk pendidikan peringkat tertinggi. Masjid ini telah dijadikan sebagai Jamiah Baiturrahman atau Universiti Baiturrahman.⁹ Di universiti

⁷ Ibid., hlm. 317.

⁸ Ibid., hlm. 319.

⁹ Ibid., hlm. 320.

ini mempunyai beberapa fakulti keilmuan yang disebut 'dar'. Di antara fakulti 'dar' itu ialah:

- a. Darul Tafsir wal Hadis (Fakulti Ilmu Tafsir dan Hadis).
- b. Darul Tib (Fakulti Kedokteran).
- c. Darul Kimia (Fakulti Kimia).
- d. Darul Tarikh (Fakulti Ilmu Sejarah).
- e. Darul Hisab (Fakulti Ilmu Pasti/Hisab/Matematik).
- f. Darul Siyasa (Fakulti Ilmu Politik).
- g. Darul Aqli (Fakulti Ilmu Akal).
- h. Darul Zira'ah (Fakulti Pertanian).
- i. Darul Ahkam (Fakulti Undang-undang).
- j. Darul Falsafah (Fakulti Falsafah).
- k. Darul Kalam (Fakulti Ilmu Tauhid).
- l. Darul Wizarah (Fakulti Ilmu Pemerintahan).
- m. Darul Khasanah Baitul Mal (Fakulti Ilmu Perbendaharaan/Kewangan).
- n. Darul Ardli (Fakulti Ilmu Perlombongan).
- o. Darul Nahwu (Fakulti Bahasa Arab).
- p. Darul Mazahib (Fakulti Perbandingan Mazhab/Agama).
- q. Darul Har (Fakulti Ilmu Peperangan).

Kepelbagaian fakulti di Universiti Baiturrahman ini menjadi bukti kukuh ketinggian ketamadunan Melayu umumnya dan kehebatan serta keintelektualan masyarakat Aceh khususnya di kala itu. Keadaan ini, dipertegaskan melalui seorang pengembara Perancis iaitu Beaulieu yang pernah berkunjung ke Aceh dalam abad ke-17 dengan menyatakan bahawa di Aceh ketika itu sedang berkembangnya ilmu pengetahuan hingga dikatakannya bahawa di Aceh tiada lagi orang yang buta huruf.¹⁰

Sejajar dengan kurikulum pendidikan yang bertingkat-tingkat taraf itu, maka para gurunya juga mempunyai kedudukan yang bertingkat-tingkat. Bagi peringkat rendah atau dasar di meunasah, guru-guru dikenali sebagai Teungku Meunasah, bagi peringkat menengah digelar Teungku Rangkang dan bagi peringkat tinggi digelar Teungku Balee. Peringkat paling tinggi ialah Teungku Chik yang bertaraf mahaguru (sama kedudukannya dengan para profesor pada masa sekarang) yang mengajar di Jamiah yang menjadi pakar rujuk guru-guru di Rangkang dan Dayah.

INSTITUSI PENDIDIKAN DI PASAI: MASJID DAN HALQAH

Di Samudra Pasai, terdapat dua bentuk sistem pendidikan Islam iaitu masjid dan *halqah* (lingkungan mengaji). Masjid di kala itu tidak hanya berfungsi sebagai tempat beribadat seperti sembahyang tetapi menjadi pusat keilmuan yang amat penting. Di sinilah terdapatnya kelas-kelas pendidikan keilmuan Islam. *Halqah* yang selalunya mempunyai sambungan dengan masjid merupakan tempat pengajian yang utama. Ia dapat dibahagikan kepada tiga kategori; ada yang dikhususkan untuk kanak-kanak bagi pendidikan asas Islam; ada yang dikhususkan kepada pelajar yang lebih tinggi dan yang ketiga dikhususkan untuk mereka yang mempelajari ilmu agama secara lebih khusus mengenai ilmu-ilmu Islam tertentu. *Halqah* ini diketuai oleh seorang guru yang utama yang dipanggil *sheikh* yang dibantu oleh beberapa orang pembantu.

¹⁰ Ibid., hlm. 319.

Mereka selalunya dilantik sama ada oleh sultan atau penduduk setempat. Salah seorang pelajar keluaran *Halqah* ialah Nur al-Din Ibrahim Maulana Izra'il atau Nur Allah yang kemudiannya lebih dikenali sebagai Sunan Gunung Jati, salah seorang dari Wali Sembilan (Wali Songo).

INSTITUSI PENDIDIKAN DI MINANGKABAU: SURAU

Usaha pendidikan di Minangkabau diasaskan oleh Burhan al-Din (1646-92) membina institusi pendidikan di kampung halamannya di Ulakan, Minangkabau, setelah sahaja menamatkan pengajiannya dengan gurunya Sheikh 'Abd al-Ra'uf al-Sinkili di Aceh, dengan membuka institusi pendidikan yang dinamakan 'surau'. Perkataan surau secara umumnya merujuk kepada masjid kecil yang tidak sahaja sebagai pusat pendidikan dan ibadat tetapi juga digunakan untuk pelbagai aktiviti keagamaan. Di Minangkabau surau sebagai pusat pendidikan mempunyai keadaan yang hampir sama dengan pondok di Semenanjung Malaysia dan pesantren di Jawa. Terdapat dua bentuk surau iaitu 'surau kecil' dan 'surau besar'.

Surau kecil mengandungi lebih kurang 20 pelajar hingga 80 pelajar (surau yang sederhana) dan ada yang menjangkau 100-1000 pelajar (surau besar).¹¹ Surau kecil mempunyai ciri-ciri yang sama dengan 'surau mengaji' – surau tempat mempelajari al-Quran. Selalunya, terdapat hanya seorang guru yang berfungsi juga sebagai seorang imam (ketua sembahyang). Sebaliknya, surau sederhana dan surau besar memang dibangunkan sebagai tempat untuk pendidikan keagamaan. Surau besar yang dibina dan dibangunkan oleh Tuanku (Sheikh) akan menarik ratusan malahan ribuan pelajar. Guru-guru yang mengajar ini selalunya tinggal di salah satu bahagian surau dengan para pelajar akan membina pondok di sekeliling surau besar. Ketua organisasi surau atau guru utamanya ialah *Tuanku Sheikh*, yang dibantu oleh timbalannya yang biasanya anak atau menantunya. Di bawahnya, terdiri guru yang sebahagiannya terdiri daripada pelajar yang senior yang telah memiliki tahap keilmuan yang baik dan berpengalaman. *Tuanku Sheikh* selalunya mengajar pelajar-pelajar yang lebih tinggi, sebaliknya guru mengajar pelajar di peringkat rendah atau pertengahan. Pelajar-pelajar yang menuntut di surau ini dipanggil '*murid*'. *Tuanku Sheikh* menjadi simbol kepada surau itu sendiri kerana kedudukan tinggi surau bergantung kepada karisma dan keilmuan sheikh surau tersebut.

INSTITUSI PENDIDIKAN DI JAWA: PONDOK PESANTREN

Selain Aceh, pendidikan Islam tersebar melalui pusat-pusat pengajian lain seperti Jawa, Banjar, Riau, Pattani, Terengganu, dan Kelantan. Di Jawa, sistem pendidikan tradisi yang terkenal disebut '*pesantren*'. Persamaannya dengan sistem pendidikan di Aceh ialah kerana masjid merupakan elemen yang tidak dapat dipisahkan dengan pesantren dan dianggap tempat paling sesuai mendidik ilmu keagamaan kepada para *santri* (penuntut yang menuntut di pesantren). Guru atau ulama yang mengajar dipanggil '*kiyai*'. Pondok pesantren ini dikatakan diasaskan oleh Sunan Giri salah seorang dari sembilan wali yang dipercayai memainkan peranan utama mengislamkan

¹¹ Azyumardi Azra, 1997, '*Education, Law, Mysticism: Constructing Social Realities*' dalam Mohd Taib Osman, (ed.), 1997, *Islamic Civilization in the Malay World*, Kuala Lumpur & Istanbul: Dewan Bahasa dan Pustaka & The Research Centre for Islamic History, Art, and Culture.

penduduk Pulau Jawa.¹² Kemudiannya, santri yang telah menamatkan pengajian di Giri atau di pesantren Sunan Giri di Giri, pulang ke kampung halaman masing-masing dan membina pesantren di tempat mereka.

Di samping itu, ada yang menyatakan asal pesantren ialah di Demak kira-kira 1513 yang pernah menjadi pusat pendidikan utama di Pulau Jawa. Kesultanan Demak merupakan negeri Islam pertama di Jawa. Peranan Demak sangat besar sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam di Jawa yang sangat terkenal dengan peranan Sembilan Wali itu.

Di Jawa, terdapat 4 jenis pesantren. Pertama, mempunyai saiz yang kecil seperti surau kecil di Minangkabau. Ia lebih sering dipanggil *langgar*. Pelajarnya dikenali sebagai *santri kalong* – pelajar yang datang ke pesantren semasa sesi pengajian sahaja. Kedua, dipanggil Pesantren asas atau permulaan yang menyediakan pengetahuan agama di peringkat asas. Selalunya, pelajar di peringkat ini diajar dengan buku-buku tertentu yang berkaitan dengan Islam. Kebanyakan pelajar tinggal di kompleks pesantren itu sendiri. Mereka digelar *santri mukim* yang bermaksud pelajar tetap. Guru yang mengajar di sini dipanggil *kiyai anom*. Ketiga, pesantren tinggi atau peringkat tinggi yang khusus untuk santri yang telah memiliki ilmu yang agak tinggi. Mereka mempelajari ilmu berkaitan pelbagai disiplin ilmu Islam dengan lebih mendalam dan terperinci. Guru tertinggi dan utama di sini dipanggil *kiyai sepuh* atau *kanjeng kiyai*. Peringkat terakhir pesantren ialah pesantren khusus iaitu tempat pelajar-pelajar mempelajari salah satu cabang ilmu agama dengan lebih mendalam. Pelajar mengkhusus dalam salah satu cabang ilmu Islam.¹³

Sistem pendidikan pesantren pada masa kini telah tersebar di seluruh pelosok Indonesia dan diiktiraf oleh kerajaan Indonesia kerana memiliki suatu sistem pembelajaran yang tersusun seperti adanya sistem peperiksaan pada akhir tahun. Ramai santri atau pelajarnya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi seperti di universiti-universiti tempatan atau luar negeri. Di antaranya, melanjutkan pelajaran di Institut Agama Islam Negeri atau singkatannya IAIN yang setaraf dengan Universiti.

INSTITUSI PENDIDIKAN DI TANAH MELAYU: PONDOK, MADRASAH, DAN RUMAH GURU

Pondok

Di Tanah Melayu, sistem pendidikan Islam tradisi dijalankan melalui sekolah pondok dan pengajian madrasah. Seperti juga tradisi pesantren, pengajian pondok bergantung penuh kepada kebolehan dan karisma seorang guru atau ulama.¹⁴ Usaha penubuhan pondok dilakukan oleh para ulama Melayu yang telah pulang dari Timur Tengah dan pusat pendidikan tempatan. Di Terengganu, dipercayai pengajian pondok diasaskan

¹² Ibid., hlm. 162.

¹³ Ibid., hlm. 165.

¹⁴ Di Kelantan misalnya, pengajian pondok mula mengalami perkembangan pesat mulai awal kurun ke-20, khususnya selepas 1909 iaitu selepas kepulangan sejumlah ulama negeri itu dari Pattani dan timur tengah. Tokoh-tokoh ulama seperti Haji Mohammad Yusof misalnya, telah menubuhkan sekolah pondok di Kenali. Beliau lebih dikenali sebagai Tuk Kenali. Lebih awal daripada itu di Kedah, pada 1870an lagi telah terdapat hampir 10 buah sekolah pondok dengan enam daripadanya diasaskan oleh Tuan Hussein.

sejak kurun ke-17 oleh Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis.¹⁵ Pendidikan meliputi ilmu-ilmu keagamaan dan sejarah. Pondok-pondok memberi penekanan agama seperti fikah, nahu, al-Quran, dan hadis Nabi. Guru-guru tidak menerima bayaran sebaliknya mereka menerima bayaran zakat dan sedekah daripada orang ramai. Pelajar-pelajar daripada lulusan pondok boleh melanjutkan pelajaran ke Asia Tengah terutama ke Mekah. Di Kelantan, antara ulama yang terkemuka ialah Haji Ahmad bin Muhammad Yusuf, Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh, Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali), dan ramai lagi. Pusat-pusat pendidikan pondok di Kelantan yang termasyhur ialah pondok Kubang Pasu, Pondok Sungai Budur, Pondok Kampung Banggul, Pondok Tuan Padang, Pondok Kampung Tok Semian, Pondok Bunut Payung, Pondok Tok Selihur, Pondok Tok Bachok, Pondok Tok Padang Jelapang, Pondok Tok Kemuning, Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Sungai Durian, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Kubang Bemban, Pondok Slow Machang, dan lain-lain.

Madrasah

Pendidikan agama mengalami perubahan dan perkembangan baru apabila wujudnya gerakan pembaharuan di dunia Islam ketika itu terutamanya di Timur Tengah. Kemudiannya, lahirlah sistem madrasah yang lebih sistematik dan lebih formal daripada sistem pondok. Dalam sistem madrasah ini mata pelajaran Islam tidak lagi tertumpu kepada soal-soal ibadat dan tauhid sahaja tetapi lebih menyeluruh dengan memasukkan mata pelajaran lain yang amat penting seperti ilmu hisab, ilmu alam, dan lain-lain. Madrasah yang paling awal didirikan ialah pada tahun 1906 iaitu Madrasah al-Maisriyah, Bukit Mertajam, Seberang Prai. Sistem pengajian madrasah menawarkan sistem pembelajaran yang lebih teratur serta berlangsung di bangunan-bangunan yang lebih baik. Madrasah-madrasah¹⁶ ini dibangunkan oleh tokoh-tokoh pembaharuan seperti Syed Sheikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Maghribi.

Madrasah ini kemudiannya berkembang dengan pesatnya di seluruh Tanah Melayu ketika itu. Perkembangan madrasah amat pesat di Johor dan mempunyai keperibadiannya yang tersendiri. Ia berkaitan dengan adanya pendidikan agama yang berbentuk formal sejak abad ke-19 lagi. Johor sejak pertengahan abad ke-19, mempunyai sistem pentadbiran agama yang agak kemas apabila Jabatan Agama dimasukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor pada tahun 1885. Pendidikan formal bermula apabila Madrasah al-Attas, Johor Bahru ditubuhkan pada tahun 1913. Setelah itu, ditubuhkan sekolah agama yang dinamakan Sekolah Al-Quran pada tahun 1918. Pada tahun 1920, nama sekolah ini ditukar kepada Sekolah Kitab sebelum ditukar sekali lagi pada tahun 1923 dengan nama Sekolah Agama Johor. Sekolah Agama atau juga dikenali sebagai Sekolah Arab ini kemudiannya berkembang di beberapa daerah di Johor di antaranya ialah Madrasah Khairiyah, Segamat (1920), Madrasah Haji Taib (1920), dan Madrasah Maharani al-Islamiyah (1939).¹⁷

¹⁵ Mohamad Abu Bakar, 1995, *'Dari Pusat ke Pinggiran: Institusi Pondok di Malaysia'*, dalam Ismail Hussein (peny.), 1995, *Tamadun Melayu* Jilid Tiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1165.

¹⁶ Madrasah lain seperti Madrasah al-Mahsyur al-Islamiyyah di Pulau Pinang, Sekolah al-Hadi di Melaka, Madrasah Idrisiah dan Madrasah al-Diniah Kampong Lalang di Perak.

¹⁷ Mahayudin, Op.cit., hlm. 316

Rumah Guru

Selain sistem pondok dan madrasah, pendidikan terutama pendidikan Islam di Tanah Melayu juga dijalankan di rumah-rumah guru. Kebanyakan rumah guru ini terdiri daripada rumah-rumah ulama yang sebahagian besar datang dari negeri Arab, Parsi, dan India. Kanak-kanak dihantar ke rumah guru ini untuk belajar mengaji al-Quran. Mereka juga diberi bimbingan melalui kitab-kitab usul Fekah, hikayat, dan lain-lain. Pengajaran di rumah guru ini tidak hanya terbatas untuk golongan kanak-kanak terdapat juga pelajar-pelajar dewasa yang ingin mendalami ilmu tertentu daripada guru-guru ini yang selalunya pakar dalam bidang tertentu. Ramai juga di kalangan pelajar guru ini pada masa yang sama belajar di pondok tertentu atau bekas pelajar. Tujuan mereka ialah ingin mendalami ilmu yang telah dipelajari dengan lebih mendalam.

Buku atau Kitab Rujukan: Kitab Kuning atau Kitab Jawi

Buku-buku yang digunakan dalam sistem pendidikan tradisional lebih dikenali sebagai *Kitab Jawi* atau *Kitab Kuning*. *Kitab* membawa makna 'buku' dan 'jawi' bermakna orang-orang dari Jawa kerana orang-orang Arab mentakrifkan penduduk di alam Melayu mempunyai asal-usul dengan pulau Jawa.¹⁸ *Jawi* juga merujuk kepada penggunaan huruf Arab yang digunakan dalam penulisan buku tersebut. Di Tanah Melayu, huruf Arab lebih dikenali dengan panggilan tulisan *jawi*. Secara umumnya, *Kitab Jawi* lebih dikenali sebagai buku-buku yang berkaitan dengan ilmu keagamaan. Kitab ini ditulis tangan dan kemudiannya disalin oleh penyalin tertentu atau oleh para pelajar. *Kitab Jawi* meningkat pengeluaran dan penyebarannya apabila pada abad ke-19 alat cetak diperkenalkan di alam Melayu.

Bagaimanapun, *Kitab Jawi* dikenali juga sebagai kitab kuning. Ia dipanggil 'kuning' kerana kertas buku ini berwarna kuning dan pada asalnya bahan kertas untuk cetakan diperolehi dari Asia Tengah. Ia mula dipanggil sebagai kitab kuning pada awal abad ke-20. Di Indonesia, *Kitab Kuning* digunakan sebagai buku teks agama di pesantren di bawah kelolaan beberapa ulama.¹⁹ Penulis kitab ini terdiri daripada ulama tempatan dengan menggunakan bahasa Melayu yang ditulis dengan huruf jawi atau huruf Arab. Penulisan buku-buku agama oleh cendekiawan atau ulama tempatan ini bermula pada abad ke-16. Di antara tokoh penting yang menulis kitab atau buku-buku ini ialah Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Sheikh Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf al-Singkili, Sheikh Abdul Samad al-Palembani, Sheikh Arshad al-Banjari, Raja Ali Haji, Daud bin Abdullah al-Fatani, dan lain-lain lagi tokoh ilmuwan Melayu yang tersebar di seluruh alam Melayu ini.

TOKOH-TOKOH ILMUAN ATAU CENDEKIAWAN MELAYU

Hamzah Fansuri

Beliau merupakan seorang ilmuwan Islam yang sangat terkenal kerana pemikiran-pemikirannya yang mencabar dan kontroversi pada masa itu. Beliau merupakan seorang ulama Islam yang sangat gemar mengembara mencari ilmu. Beliau

¹⁸ Ismail Hamid, '*Kitab Jawi: Intellectualizing Literary Tradition*' dalam Mohd. Taib Osman, 1997, Op.cit., hlm. 212.

¹⁹ Ibid.

mengembara dari satu tempat ke satu tempat di Timur Tengah dan Kepulauan Melayu untuk mempelajari ilmu Tasawwuf serta hakikat Tuhan. Seorang yang mahir dalam bahasa Arab dan Melayu. Tulisannya banyak dalam bentuk prosa dan syair. Antara syair-syairnya ialah Syair Dagang, Syair Si Burung Pingai, Syair Perahu, Syair Burung Pungguk, Syair Sidang Fakir, dan Syair Ikan Tongkol. Kebanyakan syair ini mengenai Tasawwuf dan akhlak. Beliau telah memperkenalkan konsep-konsep tasawwuf ke dalam masyarakat Melayu ketika itu melalui penggunaan perkataan Arab dalam syair-syairnya seperti tauhid, wasil, azali, wujud, fana, dan seumpamanya. Melalui perkataan-perkataan ini beliau memperkayakan perbendaharaan bahasa Melayu kerana perkataan ini kemudiannya diterima menjadi sebahagian bahasa Melayu. Ilmu Tasawwuf beliau telah tersebar di Aceh dan di tempat-tempat lain. Fahaman *wujuddiah* yang dipeloporkannya menjadi ikutan ramai ilmuan lain. Ajarannya dikenali sebagai Pengajian Tunuh atau Martabat Tujuh.²⁰ Bagaimanapun, di pihak lain yang tidak sealiran dengannya telah mengundang penentangan yang kuat terutama dari Syekh Nuruddin Ar-Raniri. Kitab-kitab prosa yang telah dihasilkan antaranya *Asrar al-Arifin*, *Syarab al-Asyiqin*, dan *al-Mutahi*.

Shamsuddin al-Sumatrani

Seorang ahli agama dan ilmuan yang aktif tidak sahaja terlibat dengan hal-hal keagamaan tetapi juga sangat produktif dalam menulis. Beliau seorang ulama yang sangat aktif yang terlibat dalam pentadbiran Kesultanan Aceh. Beliau menjadi penasihat kepada Sultan yang kemudiannya dilantik sebagai Kadi Malik al-Adil. Beliau juga mahir dalam bahasa Arab dan telah melahirkan penulisan dalam bahasa Arab seperti *Jawahir al-Haqaiq*, *Taubih al-Tullab fi Ma'rifah Malik al-Wahbab*, *Risalah Baiyin Mulahazat al-Muwahidin ala al-Muhtadi*, *Fi Zikr Allah*, *Ktab al-Harakah*, dan *Nur al-Daqaiq*. Kitab-kitab dalam bahasa Melayu pula antaranya *Mir'at al-Imam*, *Mir'at al-Mukminin*, *Syarah Mir'at-Qulub*, *Mir'at al-Haqiqah*, *Mir'at al-Muhaqqiqin*, *Sarah Mir'at al-Qulub*, *Syarah Ruba'I Hamzah Fansuri*, dan *Zikr Daairati Qaaba Qansaim aw Adna*.²¹

Sheikh Nuruddin al-Raniri.

Beliau seorang yang sangat dikenali di dalam penulisan Melayu lama kerana telah menulis pelbagai topik yang berkaitan kajian Islam termasuklah dalam sufisme yang ketika itu merupakan topik yang popular di Aceh. Beliau telah dilantik oleh Sultan Iskandar Thani (1636-1641) sebagai ketua agama bagi Istana Aceh yang bergelar Kadi Malik al-Adil.²² Kemudiannya dilantik menjadi Mufti bagi negeri Aceh di bawah pemerintahan Sultan Safiatuddin. Nuruddin sangat terkenal dengan penentangannya yang kuat ke atas fahaman *Wujuddiyah* yang dipelopori oleh Hamzah Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatrani hingga membawa kelahiran beberapa buku bagi menentang fahaman tersebut.

Karya yang paling utama dan mendapat tempat istimewa dalam masyarakat Melayu terutama di kalangan para raja ialah buku *Bustan al Salatin* (Taman Raja-Raja), buku ini berkaitan etika raja yang memerintah. Selain itu, beliau telah menulis pelbagai kitab Jawi yang hingga kini masih popular di kalangan masyarakat Melayu

²⁰ Raja Mohd Affandi. 1982. *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 87-88

²¹ Ismail Hamid, Op.cit., hlm. 213

²² Ibid., hlm. 213

dan disimpan sama ada secara orang perseorangan atau di pelbagai perpustakaan di alam Melayu ini.²³ Kitab-kitab itu di antaranya *Sirat al-Mutaqim* (Jalan yang Lurus), *Durrat al-Faraid bi Syarah al-Aqai'id* (Permata Berharga tentang Penerangan Iman), *Hidayah al-Habib fi al-Tarqib wa al-Tarhib* (Panduan kepada Pecinta tentang Kebahagiaan dan Ketakutan), *Lata'if al-Asrar* (Kesempurnaan Misteri), *Asrar al-Insan fi Ma'rifat al-Ruh wa al-Rahman* (Rahsia Manusia dalam Memahami Ruh dan Tuhan), *Tibyan Fi Ma'rifat al-Adyan* (Penjelasan tentang Ilmu Agama), *Akhbar al-Akhirah fi Ahwal al-Qiyamah* (Berita Tentang Akhirat dan Hari Pengadilan), *Ma al-Hayah li Ahl al-Mamat* (Air Kehidupan untuk Kematian), *Jawahir al-Ulum fi Kasyf al-Ma'lum* (Permata Pengetahuan untuk Kesedaran Iman), *Sifa al-Qulub* (Pengubat Hati), *Hujjah al-Siddiq li dafi al-Zindiq* (Bukti Kebenaran Menentang Atheisme), *Al-Fathu al-Mubin ala al-Mulhidin* (Kejayaan Menentang Atheisme).²⁴

Abdul Rauf al-Singkel

Beliau juga merupakan seorang penulis buku yang berkaitan dengan Islam yang aktif yang pernah dilantik sebagai *Kadi Malik al-Adil*. Beliau juga seorang yang terlibat dalam pengajaran agama. Di antara penulisan beliau ialah *Mir at at-Tulab* (Cermin Pelajar), *Turjuman al-Mustafid*, *Ummadat al-Mahtajin* (faedah kepada sesiapa yang memerlukan), *al-Tarikah al-Shatariyah* (buku tentang aliran sufi yang dikenali sebagai al-shatariyan), *Majmuk al-Masail* (kerja-kerja sufi), *Mawaidz al-Badiyah* (buku tentang pengajian hadis), *Shams al-Marifah* (buku tentang sufi), *Hidayah al-Balighah* (buku panduan untuk hakim), *al-Mawaiz al-Badiyah* (buku tentang etika Islam), *Kifayah al-Mu'tajin* (buku panduan untuk masyarakat bagi memahami sufi), *Daqaiq al-Huruf* (pengajaran tentang sufi dan panduan tentang mengamalkannya), *Hadith Nabi* (koleksi tentang nabi dan penulisan Islam lain).²⁵

Sheikh Abdul Samad al-Palembani

Beliau juga terkenal sebagai seorang penulis yang aktif berkaitan dengan Islam di samping seorang ulama yang mengajar pendidikan Islam di pelbagai institusi pengajian Islam. Beliau juga seorang penentang fahaman *wujudadiyah* dan beliau cuba mempopularkan fahaman sufi yang diterima oleh *ahli sunnah wal-jamaah*. Beliau telah menulis beberapa buah buku yang sebahagiannya berdasarkan kitab al-Ghazali yang bertajuk *Sir al-Salikin* dan *Hidayah al-Salikin*.²⁶

Sheikh Arshad al-Banjari

Beliau merupakan seorang ulama dari Banjarmasin, Kalimantan pada abad ke-18. Beliau telah melahirkan buku yang bertajuk *Tuhfat al-Raghibin* yang membicarakan tentang aliran sufi yang diterima oleh *ahli sunnah wal jamaah*. Dalam bidang fekah beliau telah menulis buku tentang panduan undang-undang Islam yang bertajuk *Sabil al-Muhtadin li Tafaquh fi amr al Din*.²⁷

²³ Ibid.

²⁴ Ibid., hlm. 214

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

²⁷ Ibid.

Raja Ali Haji.

Beliau telah menulis beberapa buah buku pengajian Islam dalam bahasa Melayu seperti *Syair Hukum Nikah*, *Gurindam Dua Belas*, *Bustan al-Katibin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Salasilah Melayu dan Bugis*, dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Selain itu bapa beliau Raja Ahmad juga seorang penulis yang telah menulis beberapa buku yang di antaranya *Syair Perang Johor*, *Syair Ungku Puteri*, dan *Syair Raksi*. Mereka ini merupakan golongan ulama dan penulis yang berasal daripada keturunan keluarga Diraja Riau. Di antara ahli keluarga mereka yang lain juga aktif seperti Raja Hassan anak kepada Raja Ali Haji yang telah menulis *Syair Burung*, begitu juga dengan cucu Raja Ali Haji, Raja Haji Abdullah yang telah menulis *Kitab Belajar Bahasa Melayu*, *Hikayat Tanah Suci*, dan *Ghayah al-Muna*, *Syair Shahisah*.

Daud bin Abdullah al-Fatani

Beliau merupakan seorang penulis dari Fatani yang aktif yang telah melahirkan 30 buah kitab kesemuanya. Buku utamanya ialah *Furu al-Masa'il* yang berkaitan dengan undang-undang Islam yang ditulis pada 1838. Beliau juga menulis tentang buku ibadah yang bertajuk *Muniyyat al-Musalli* yang menjadi buku panduan pelbagai institusi pendidikan di alam Melayu. Sebagai seorang penulis yang produktif beliau telah menulis dalam pelbagai bidang seperti teoloji, undang-undang Islam, sufi, hadis, dan sastra.²⁸

Pada abad ke-18 dan 19 di negeri Kesultanan Patani, telah lahir ramai ulama yang juga penulis yang menulis pelbagai buku yang berkaitan pengetahuan agama Islam dalam bahasa Melayu. Buku-buku mereka ini menjadi buku teks kepada institusi pendidikan di alam Melayu malahan di luar dari dunia Melayu antaranya teredar di Vietnam dan Kampuchea. Di antara penulis yang aktif ini termasuklah Daud al-Fatani itu sendiri. Selain itu, di Patani ini juga terdapat beberapa penulis lain yang aktif seperti Zayn al-Abidin bin Mohammad al-Fatani, yang menulis buku *Kashf al-Ghaybiyah* dan Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani yang menulis buku teks untuk sekolah agama yang terkenal bertajuk *Matla al-Badrayn* yang membincangkan tentang teologi.²⁹

Abdul Malik bin Abdullah.

Beliau merupakan seorang penulis dari Semenanjung Malaysia yang juga seorang ulama yang telah membangunkan institusi pengajian Islam (pondok) di Pulau Manis Terengganu. Hasil kerjanya yang terkenal sekali ialah *Kitab Hikam*. Beliau juga menjadi panduan kepada masyarakat Islam di Kepulauan Melayu yang hendak mengamalkan sufi yang diterima oleh ahli sunnah wal-jamaah.³⁰

Munsi Abdullah

Beliau merupakan seorang tokoh penulisan Melayu yang digelar sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden dan juga pernah digelar sebagai Bapa Kewartawanan

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

Melayu.³¹ Beliau telah melahirkan beberapa buah buku penting yang menganalisis kehidupan pemimpin dan masyarakat Melayu pada zaman penjajahan Inggeris. Antara karya-karya beliau ialah Syair Singapura Terbakar, Kisah Pelayaran Abdullah, Syair Kampung Gelang Terbakar, Hikayat Abdullah, Dawail al-Kulub, Kisah Pelayaran Abdullah ke Negeri Jeddah, Ceritera Perihal Haji Sabar Ali, Lawatan ke Kapal Asap P.S Sesostris, Hikayat Panjat Tanderan dan menerbitkan semula Sejarah Melayu dan Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu dalam Segala Negeri. Beliau merupakan seorang tokoh Melayu yang melewati zamannya. Ini kerana, beliau telah mengkritik secara terbuka corak hidup masyarakat Melayu ketika itu. Bagaimanapun, beliau merupakan seorang intelek yang telah menyumbangkan pemikirannya terhadap masyarakat Melayu. Beliau bukanlah merupakan seorang guru atau ulama sebagaimana tokoh-tokoh ilmuan yang telah dibincangkan sebelum ini. Sebaliknya beliau merupakan tokoh ilmuan yang meninggalkan pemikirannya dalam buku yang ditulisnya sebagai satu pandangan dan teladan yang menggambarkan masyarakat Melayu dan kelemahan-kelemahan mereka ketika itu.

Abdullah Munshi pernah menasihati orang Melayu tentang peri pentingnya ilmu:³²

...adapun ilmu dan kepandaian itu menjadi tangga kepada pangkat, kekayaan dan kekuasaan itu membawa kepada kebesaran. ...segala yang dijadikan Allah ada harga...ilmu tiada bernilai oleh manusia akan harganya...harta dunia dan kekayaan dan kebesaran itu durjana adanya seperti perempuan jalang, yang berpindah-pindahlah ia kepada barang siapa yang dikehendakinya...tetapi ilmu bukan demikian, dan lagi bercahaya warna mukanya iaitu sebaik-baik taulan orang yang berbudi adanya...iaitu kejadian yang amat ajaib dijadikan Allah...maka sebab itulah kata arif...apabila engkau mendapat wang, belikan emas, maka jualkan emas itu, belikan intan, maka jualkan intan itu, belikan manikam, jualkan manikam itu, belikan ilmu.
(Hikayat Abdullah, 1963:17)

KESIMPULAN

Perkembangan Islam ke alam Melayu telah menyemarakkan perkembangan dan pembangunan pembelajaran dan keilmuan di kalangan orang Melayu. Islam telah memperkenalkan pelbagai ilmu seperti teologi, falsafah, astronomi, matematik, undang-undang, tasawwuf, fekah, logik, metafizik, dan pelbagai bidang ilmu lain. Usaha pendidikan dan pembelajaran segala ilmu ini disampaikan melalui perantaraan bahasanya sendiri iaitu bahasa Melayu. Hasilnya bahasa Melayu tidak sahaja berkembang tetapi diangkat menjadi bahasa yang mampu membicarakan pelbagai disiplin ilmu tinggi yang terakam dalam kitab kuning Melayu. Revolusi keilmuan ini menyemarakkan tradisi ilmu hingga melahirkan beribu-ribu institusi pendidikan sama

³¹ Abu Hassan Sham, 2000, *Perbandingan antara Abdullah Munsyi dan Raja Ali Haji*, dalam Zahir Ahmad (ed.), 2000, *Pengajian Kesusasteraan Melayu di Alaf Baru*, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

³² Zainal Abidin Borhan, 1996, "Pemikiran Abdullah Munshi dan Ibrahim Munshi Tentang Orang Melayu" dalam Abdul Latif Abu Bakar (peny.), 1996, *Melaka Bandar Raya Bersejarah Negeri Berbudaya: Perpaduan dan Patriotisme Warisan Kita*, Kuala Lumpur dan Melaka: Penerbitan Bersama Penerbit Universiti Malaya dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

ada dalam bentuk institusi peringkat rendah dan sederhana seperti surau, madrasah, rangkang, dan dayah atau institusi peringkat tinggi seperti Baitul-Rahman. Penuntut-penuntut daripada institusi pendidikan ini menjadi ulama yang memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu kerana kemudiannya mereka ini menjadi reformis budaya dan masyarakat Melayu. Lantaran, kelahiran tradisi ilmu ini memulakan zaman pembaharuan bagi orang Melayu. Mengikut Azyumar:

The establishment of numerous Islamic institutions in many parts of the Malay world had accelerated the acquisition of literacy on the above sciences and expanded education among the people. Through these Islamic institutions Malay authors and scholars were born. They were steeped in their Islamic tradition and had written treatises on the various branches of religious knowledge in the Malay language. During the Islamic era the Malay world saw the emergence of learning and development of intellectualism. Islamic era in the Malay world can be described as an era of enlightenment.³³

Malangnya tradisi ini kemudiannya malap apabila alam Melayu gagal untuk mempertahankan kemerdekaannya selepas kedatangan penjajah Barat. Era kolonialisasi ini merupakan era zaman kegelapan masyarakat Melayu dan alam Melayu secara keseluruhannya. Bagaimanapun, melalui peranan reformis Islam pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 menyemarakkan semula tradisi keilmuan ini hingga menyumbang juga kepada perjuangan kemerdekaan. Selepas mencapai kemerdekaan tradisi keilmuan ini disemarakkan dan dibangunkan semula mengikut acuan sistem pendidikan moden ala Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Latif Abu Bakar (peny.). 1996. *Melaka Bandar Raya Bersejarah Negeri Berbudaya: Perpaduan dan Patriotisme Warisan Kita*. Kuala Lumpur dan Melaka: Penerbitan Bersama Penerbit Universiti Malaya dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Hashim Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Ismail Hussein (peny.). 1995. *Tamadun Melayu*, Jilid Tiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayuddin Yahaya. 2000. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd Taib Osman, (ed.). 1997. *Islamic Civilization in the Malay World*. Kuala Lumpur & Istanbul: Dewan Bahasa dan Pustaka & The Research Centre for Islamic History, Art, and Culture.

³³ Azyumardi, 1997, Op.cit. hlm. 243

Raja Mohd Affandi. 1982. *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan. 2000. *Tamadun Dunia*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zahir Ahmad (ed.). 2000. *Pengajian Kesusasteraan Melayu di Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.